

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [SEPANG] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

- (a) adakah Kerajaan akan meminda Akta Kesalahan (Bidangkuasa jenayah) Syariah 1965 bagi melebar luaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah di negara ini hingga membolehkan undang-undang hudud dan qisas dilaksanakan di mana-mana negeri di Malaysia; dan
- (b) apakah pendirian rasmi Kerajaan berhubung pelaksanaan Undang-undang hudud dan qisas di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional khususnya Negeri Terengganu, adakah Kerajaan akan laksanakan undang-undang tersebut di negeri-negeri tersebut setelah merdeka selama 57 tahun.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, Kerajaan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had bidang kuasa melalui pindaan kepada Akta 355. **Pada masa ini, Kerajaan dalam proses mendapatkan maklum balas daripada negeri-negeri terhadap cadangan pindaan Akta tersebut.** Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah akan diperluaskan dan dipertingkatkan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3)

peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

- (b) Kerajaan menyedari kesesuaian syariat Islam untuk digunakan dalam semua zaman, tempat dan keadaan. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan Undang-Undang Jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Berhubung dengan pelaksanaan Undang-undang hudud dan qisas di negeri-negeri, orang Islam perlu bersepakat sebagaimana tuntutan Islam.

Sekian, terima kasih.